

Campur tangan

UM 28 AUG 1987

tak boleh disentuh

Oleh Khalid Mohd.

GELANG PATAH (Johor) 27 Ogos — Kerajaan memandang berat dan bimbang dengan campur tangan 'golongan yang tidak boleh disentuh dan ditegur' dalam urusan pentadbiran negara yang mendesak supaya perlembagaan dikaji semula dan dipinda.

Datuk Sri Dr. Mahatir Mohamad yang menegaskan demikian berkata, soal mengkaji perlembagaan atau memindanya adalah urusan kerajaan dengan sokongan dan persetujuan wakil - wakil rakyatnya di Parlimen.

Perdana Menteri menambah urusan ini bukan urusan mana - mana 'suruhanjaya' dengan hakim - hakim sebagai ketua. Berucap merasmikan Dewan Raya Kampung Pok di sini hari ini, beliau mengingatkan rakyat supaya berwaspada terhadap apa yang disifatkannya sebagai satu usaha untuk menghakiskan suara ramai yang sedang dijalankan dengan licin dan cekap.

Beliau mahu rakyat berhati - hati kerana apa yang sedang diusahakan itu bertujuan untuk membelakangkan suara rakyat.

Perdana Menteri juga mengingatkan, sebarang langkah membenarkan pihak di luar kerajaan terlibat dalam mengkaji semula perlembagaan akan hanya membawa kepada tuntutan yang bukan - bukan dari berbagai pihak yang akhirnya akan mencetuskan lebih banyak masalah dan ketegangan.

Menurut beliau, golongan yang mahu supaya perlembagaan dikaji semula dan dipinda terdiri dari mereka yang mempunyai latihan dalam undang - undang serta kumpulan minoriti yang tidak berani berdepan dengan rakyat dalam pilihanraya untuk mendapatkan kuasa.

Katanya, golongan ini sedar yang mereka tidak mempunyai kuasa untuk membuat apa yang mereka inginkan. Oleh itu, tegas beliau, mereka mencadangkan supaya sebuah suruhanjaya dibentuk untuk mengkaji perlembagaan negara kerana cara ini akan memberi peluang kepada orang - orang mereka menganggotainya.

LIHAT MUKA 6

golongan

CAMPUR TANGAN GOLONGAN TAK BOLEH DISENTUH

"M... tidak sebut siapa yang patut menganggotai suruhanjaya itu...tapi tentu orang - orang mereka seperti hakim - hakim dari luar negeri macam Suruhanjaya Reid dahulu. "Kononnya orang - orang ini bijak - bijak belaka dan boleh membuat pindaan kepada perlembagaan kita. Sebenarnya, mereka ini akan terdorong dengan keadaan dalam negara masing - masing kerana mereka tidak memahami hasrat, budaya serta ciri - ciri lain rakyat Malaysia," kata Perdana Menteri. Beliau menambah apa yang adil bagi hakim - hakim asing itu mungkin tidak adil dalam keadaan di negara kita. Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, jika kerajaan merasakan perlembagaan benar - benar perlu dipinda, ia boleh berbuat demikian dengan majoriti duapertiga yang dipegangnya di Dewan Rakyat. Serentak dengan itu, beliau menolak pendapat golongan tersebut kononnya kajian semula dan pindaan itu perlu dibuat kerana perlembagaan negara sudah 'tua.' "Sebenarnya, negara - negara lainpun tidak menukar perlembagaan mereka. Saya kluatir golongan tersebut begitu hendakkan pertukaran kerana perlembagaan yang ada sekarang memberi penghargaan kepada suara ramai," ujar beliau. Perdana Menteri kemudian menarik perhatian kepada apa yang disifatkan oleh bekas Ketua Hakim

Negara, Tun Mohamad Sufian sebagai tiga pihak dalam kerajaan yang terlibat dalam urusan pentadbiran negara iaitu pihak pembuat undang - undang, pihak eksekutif dan pihak kehakiman. Menurut Tun Sufian, di antara tiga pihak ini terdapat apa yang dipanggil "check and balance" atau saling tegur meneguri antara satu sama lain jika ada di antara yang tiga itu membuat salah. Malangnya, kata Perdana Menteri, hanya dua dari tiga pihak ini yang boleh ditegur, yang satu lagi itu tidak boleh disentuh atau ditegur. Jika beginilah keadaannya, ujar beliau, manalah ada 'check and balance' yang Tun Sufian katakan itu. "Ada yang kata bahawa yang satu pihak itu tidak boleh disentuh; gaji mereka tidak boleh dibincang. Kalau kita tidak boleh tegur, mana ada "check and balance" beliau bertanya. Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, jika hendak diadakan "check and balance" itu, ketiga - tiga pihak itu (pembuat undang - undang, eksekutif, kehakiman) mestilah boleh

ditegur. Tidak hanya dua pihak sahaja. Perdana Menteri berkata, jika keadaan 'tidak seimbang' ini berterusan, mungkin ada pihak yang merasakan bahawa dia boleh buat apa saja yang disukainya. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak percaya kepada pembentukan sebarang suruhanjaya dengan hakim - hakim sebagai ketua dan menambah bahawa hanya rakyat yang boleh menentukan apa yang mereka mahu melalui proses pilihanraya dan bukannya melalui suruhanjaya yang dilantik. Perdana Menteri berkata, beliau yakin anggota - anggota suruhanjaya itu tidak akan melayan hasrat rakyat. "Saya kluatir kerana sudah ada cubaan untuk menidakkan suara rakyat. Kita harus berhati - hati supaya tidak terbawa - bawa dengan pandangan bahawa pindaan perlembagaan akan membawa kebaikan," ujarnya. Beliau menambah "mungkin PAS minta kita pakai Al-Quran sahaja. Mungkin ada pula yang mahu supaya hukum syarak dikenakan ke

atas semua orang, siapakah yang akan menapis dan memilih apakah yang akan dimasukkan ke dalam perlembagaan. "Kalau kita menggubal semula perlembagaan (negara), kita akan hadapi pelbagai masalah. Pelbagai pihak termasuk parti politik, pertubuhan sosial dan seumpamanya akan bertalu - talu memberikan pandangan. "Orang (kerajaan) yang cuba menggubalnya tidak mungkin dapat memuaskan hati sesiapa, yang dapat diterima oleh majoriti," katanya. Ini, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, akan mewujudkan ketegangan antara puak dan mencetuskan huru - hara. Menurut Perdana Menteri, perlembagaan negara boleh dipinda jika perlu tetapi kalangan yang mendesak kepada pindaan itu tentu iri hati jika kerajaan memindanya tanpa mengambilkira cadangan atau kehendak mereka. Inilah yang mereka tidak mahu. Mereka mahu pindaan itu dibuat oleh pihak yang tidak diwakili oleh sesiapa seperti suruhanjaya bebas,"

tambahnya dengan menambah kata, mereka tentu berharap suruhanjaya itu kelak dianggotai oleh orang - orang yang berpandangan seperti mereka, selain para hakim luar negeri yang mungkin juga dijemput menganggotainya.

Datuk Sri Dr. Mahathir tidak yakin para hakim luar negeri merupakan pilihan terbaik atau sesuai untuk merumuskan perlembagaan negara kerana "mereka tidak tahu keadaan sebenar dalam negara, masyarakatnya, agama dan sebagainya."

Perdana Menteri juga mempertikaikan hak kalangan tersebut yang terdiri daripada kumpulan minoriti 200 atau 300 orang terus mendesak kepada pindaan perlembagaan sungguhpun, katanya, kebanyakan mereka terlatih dalam bidang undang - undang. Menurut Perdana Menteri, kalangan tersebut tidak ingin kepada kekuatan kerajaan serta tidak berpuas hati dengan keputusan rakyat memberikan sokongan besar kepada kerajaan BN pada pilihanraya umum lepas.